

HADIAH

Pemenang Utama
RM15,000.00
+
Sijil Penyertaan

Pemenang Hadiah Utama akan diberikan peluang untuk mengadakan pameran solo di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang.
Hasil karya akan menjadi Koleksi Tetap Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang.

Pemenang Kategori x 4 Pemenang
(seorang pemenang bagi setiap kategori)

RM3,000.00
+
Sijil Penyertaan

Hasil karya pemenang akan menjadi Koleksi Tetap Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang

Semua peserta yang karyanya terpilih untuk pameran akan menerima Sijil Penyertaan



For English version, please click on www.penangmuseum.gov.my



PENANG STATE ART GALLERY

- www.facebook.com/penangstatemuseumandartgallery
www.facebook.com/muzium.negeripulaupinang
- [penangstatemuseum](https://www.instagram.com/penangstatemuseum)
- [penangmuse](https://twitter.com/penangmuse)
- Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang
Dewan Sri Pinang, Lebuh Light
10200 Georgetown, Pulau Pinang
- 04-261 6466

**PERTANDINGAN SENI LUKIS
TERBUKA PULAU PINANG**
PENANG ART OPEN
2 0 2 1

**SEKATAN PENCETUS
KREATIVITI**

*Limitation Inspires
Creativity*



SEKATAN PENCETUS KREATIVITI

Limitation
Inspires
Creativity

PERTANDINGAN SENI LUKIS TERBUKA PULAU PINANG

PENANG ART OPEN

2 0 2 1

“SEKATAN PENCETUS KREATIVITI / Limitation Inspires Creativity” :

Hantarkan karya anda berdasarkan
kepada interpretasi anda terhadap

tema ini. Penyertaan adalah terbuka kepada interpretasi yang luas dan
pandangan yang berkaitan dengan tema tersebut.

Syarat dan Peraturan

- Para peserta mestilah berumur 18 tahun dan ke atas.
- Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Peserta bukan warganegara yang tinggal di Malaysia sepanjang tempoh pertandingan juga layak untuk bertanding (bukti alamat tempat tinggal adalah diperlukan).
- Pertandingan ini terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:
 - Fotografi
 - Karya 2D (lukisan, catan dan yang berkaitan)
 - Karya 3D (arca, seramik, instalasi dan yang berkaitan)
 - Media Baru (video, animasi dan yang berkaitan)
- Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar sebanyak **dua (2)** buah karya sahaja (maksima). Para peserta boleh memilih untuk menghantar setiap karya penyertaan untuk mana-mana kategori.
- Karya mestilah asli serta tidak pernah menyertai Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang atau sebarang pertandingan atau dipamerkan dalam sebarang pameran seni tampak di dalam atau di luar negara.
- Karya mestilah yang terkini iaitu dihasilkan pada tahun 2021.
- Karya kolaborasi / berkumpulan adalah tidak diterima.
- Penyertaan adalah percuma. Peserta mestilah bertanggungjawab untuk mengurus dan menanggung segala kos penghantaran karya pergi ke / balik dari galeri.
- Kesemua karya mestilah dituntut semula dalam masa seminggu selepas tempoh pameran tamat. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan sekiranya karya tersebut tidak dituntut selepas tamat tempoh tuntutan semula.
- Penganjur berhak membuat reproduksi karya bagi tujuan pemasaran, publisiti atau promosi.
- Penganjur berhak meminda atau membatalkan apa-apa jua syarat pertandingan ini termasuk hadiah pertandingan tanpa notis terdahulu.
- Pemenang pertandingan ini akan dimaklumkan menerusi surat rasmi / email / telefon.
- Kesemua karya yang menyertai pertandingan ini adalah untuk dijual. Pihak penganjur akan mengambil komisen sebanyak 15% bagi setiap karya yang dijual sepanjang tempoh pameran berlangsung.
- Keputusan juri adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Salinan fotokopi borang penyertaan adalah diterima. Borang penyertaan juga boleh didapati di laman web www.penangmuseum.gov.my atau di www.facebook.com/muziumnegeripulaupinang.

Penghantaran Karya

- Peserta mestilah menghantar karya sebenar (maksimum 2) **DAN**:
 - Kenyataan Pelukis / *Artist Statement* (diformatkan ke dalam bentuk PDF);
 - Imej karya fotografi dan karya 2D dalam bentuk JPG/JPEG. Lima (5) imej bagi karya 3D dalam sudut yang berbeza dalam bentuk JPG/JPEG. Kualiti imej karya yang dihantar mestilah beresolusi 1280 x 720 dpi ke atas;
 - Tajuk karya;
 - Medium;
 - Saiz;
 - Harga.
- Tiada had dimensi bagi setiap penyertaan karya.
- Bagi karya video, karya mestilah diformatkan ke dalam format SWF/ FLV / MP4. Tempoh durasi adalah tidak melebihi 3 (tiga) minit.
- Bagi karya instalasi, peserta perlu menyertakan arahan pemasangan.
- Maklumat dalam perenggan 1(a)-(f) yang dihantar menerusi email adalah **TIDAK DITERIMA**. Penghantaran maklumat hanya melalui *Compact Disk* (CD) **ATAU** dimuat naik pada pautan Google Form. <https://forms.gle/4FiRDgSQzye5R9Kh8>

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hantar email kepada
fairudz@penangmuseum.gov.my
syazwan@penangmuseum.gov.my
shafiq@penangmuseum.gov.my
prakash@penangmuseum.gov.my atau
telefon di talian **04-261 6466**.

Pameran Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang
akan berlangsung pada bulan Januari 2022.
Kesemua karya mestilah sampai kepada pihak penganjur pada atau sebelum
7hb. November 2021 (Ahad), jam 5.00 petang di alamat:

**Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang
Aras Bawah, Dewan Sri Pinang
10200 Lebu Light
George Town, Pulau Pinang**

SEKATAN PENCETUS KREATIVITI Limitation Inspires Creativity



fairudz@penangmuseum.gov.my
syazwan@penangmuseum.gov.my
shafiq@penangmuseum.gov.my atau
telefon di talian 04-261 6466.

Bil / No.	Tajuk / Title	Bahan / Medium	Harga / Price	Saiz / Size (cm)	Tahun / Year	Catatan / Remark

Nama (seperti dalam K/P) / Name :		Alamat / Address :
No. Kad Pengenalan / IC No. / Passport :	No. Telefon Bimbit / Mobile No. :	
Tarikh Lahir / D.O.B :	Alamat Facebook / Facebook Address :	
Umur / Age :	E-mel / E-mail :	
Jantina / Gender :		
Saya bersetuju mematuhi kesemua syarat-syarat Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang 2020. I agreed with all the Penang Open Art 2020 terms and condition.		
Tandatangan / Signature :	Warganegara / Citizenship :	
	Tarikh / Date :	